

24 JUL 2000

MAHATHIR-GAJI/I

SEKTOR SWASTA PERLU BAYAR GAJI BERPATUTAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan sektor swasta tentang bahayanya membayar gaji yang terlalu tinggi kepada pekerja.

Dengan memberi contoh para eksekutif di Amerika Syarikat yang bergaji besar, beliau berkata ini (gaji besar) menyebabkan mereka hanya memberi tumpuan kepada laporan-laporan sukuan bagi menunjukkan berapa banyak mereka perolehi dan menerima imbuhan seperti opsiyen saham.

"Akhirnya, syarikat ini tidak dapat menunjukkan prestasi sebaik mungkin," kata Dr Mahathir.

Oleh yang demikian, sektor swasta patut membayar gaji yang berpatutan, tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog selepas menyampaikan ucap tama di Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia yang berlangsung selama dua hari, mulai hari ini.

Persidangan itu membincangkan keberkesanan konsep Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 1983 yang mana ia melibatkan kerjasama rapat antara sektor awam dan swasta.

Secara berseloroh, beliau merasakan seperti mahu berhenti sahaja kerana sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Persyarikatan Malaysia, beliau hanya dibayar RM16,000 (sebulan), "bila mana orang yang kerja di bawah saya berpendapatan sehingga RM40,000.

Beliau berkata apabila sektor swasta memberikan gaji yang tinggi, maka timbullah jurang perbezaan yang besar dengan sektor awam dan ini menyukarkan sektor awam untuk menarik pekerja-pekerja berkemahiran.

Mengenai pendapat yang diutarakan oleh para peserta mengenai tanda-tanda kemerosotan mutu perkhidmatan awam kerana "orang-orang yang berkemahiran" kini tidak mahu bekerja dengan kerajaan, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak akan mempunyai satu pentadbiran yang kukuh selagi kita gagal menarik mereka yang mahir."

Dr Mahathir berkata berbanding dengan dahulu, sektor swasta kini berjaya dan ada di antara mereka mampu menawarkan gaji yang tinggi, sekaligus berjaya menarik pekerja-pekerja terbaik ke dalam industri ini.

Kerajaan tidak boleh menyahut atau membalas balik dengan menaikkan gaji yang tinggi kepada kakitangannya kerana sektor swasta juga akan berbuat perkara yang sama, sekaligus menyebabkan "jurang perbezaan bertambah luas daripada sebelumnya."

"Sememangnya kita mahu menaikkan pendapatan kakitangan kerajaan tetapi tangan kita seolah-olah terikat kerana pendapatan kita (negara) tidaklah begitu besar. Itu sebabnya kita mahu sektor swasta kita terus berkembang sebaik mungkin," kata beliau.

Dengan cara ini, kerajaan bolehlah mengutip pendapatan yang lebih besar untuk membayar kakitangan awam, tambah beliau.

Untuk perkhidmatan awam pula, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa mahu memberikan perkhidmatan mesra.

Beliau berkata jabatan-jabatan kerajaan, negeri dan pihak-pihak tempatan memerlukan waktu untuk mengamalkan piagam pelanggan yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan.

"Proses ini adalah satu proses yang memakan masa. Satu proses untuk memberi pembelajaran kepada seseorang," tambah beliau.

Ditanya mengenai pendirian kerajaan terhadap francais makanan, beliau berkata kerajaan sentiasa aktif mempromosikannya memandangkan ia (francis)

mampu membantu meningkatkan kehadiran peruncit Bumiputera di pusat-pusat bandar.

Menjawab satu soalan, perdana menteri berkata di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, kerajaan begitu menitik beratkan persekitaran dan mahu sektor swasta dan individu bersikap sensitif kepada pencemaran dan mengekalkan pembangunan.

"Kita merupakan antara beberapa negara membangun yang mempunyai Kementerian Alam Sekitar," kata beliau sambil menegaskan yang 56 peratus daripada negara ini diliputi oleh hutan semulajadi dan 20 peratus lagi dengan penanaman pokok.

Dr Mahathir juga berkata adalah malang bagi Malaysia yang perlu berurusan dengan "mereka yang mempunyai agenda yang tersembunyi apabila mereka memperkatakan mengenai persekitaran".

Selain daripada beberapa laporan media yang menokok-nambah lagi cerita seperti isu jerebu, ada juga orang perseorangan seperti orang Swiss (Bruno Manser) yang mendakwa beliau mahu mengekalkan cara hidup orang-orang Penan.

"Kita perlu bersikap sederhana dan menerima perlunya melakukan beberapa perkara walaupun ianya tidak bagus untuk persekitaran.

"Kita jangan terlalu fanatik seperti orang Swiss itu yang mahu orang-orang Penan menikmati jangka hayat yang singkat dan menembak monyet untuk makanan.

"Saya bayangkan apa yang mungkin berlaku kepada orang-orang Swiss jika mereka terus kekal di dalam gua dan orang yang bertamadun pula mahu mereka terus menginap di dalam gua. Saya tidak fikir orang-orang Swiss akan menghargainya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAD AA MA